

PENGUNAAN KAEDAH “READ, FIND AND WRITE” DALAM MENINGKATKAN PEMBELAJARAN AKSES KENDIRI MURID TAHUN 4 UNTUK TOPIK TUN PERAK BENDAHARA TERBILANG

Barry Nicholas

barrynicholas42@yahoo.com

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk membantu meningkatkan kemahiran murid dalam mempraktikkan kemahiran pembelajaran akses sendiri dengan menggunakan kaedah *Read, Find and Write* bagi topik Tun Perak Bendahara Terbilang dalam mata pelajaran Sejarah. Di samping itu, kajian ini juga secara tidak langsung menggalakkan mereka untuk meningkatkan kemahiran menganalisis fakta serta memahami fakta dengan lebih mendalam. Oleh itu, empat orang peserta kajian telah dipilih daripada kelas Tahun 4A dari sebuah sekolah rendah di sekitar Kuching. Data dikumpul dengan menggunakan kaedah pemerhatian, temubual dan juga analisis dokumen bagi mendapatkan impak setelah kaedah tersebut dilaksanakan ke atas peserta kajian. Untuk mengesahkan data yang dikumpul, triangulasi kaedah, sumber dan *member checking* telah digunakan dalam cara menyemak data. Kaedah *Read, Find and Write* ini telah membantu empat orang peserta kajian ini mempraktikkan kemahiran pembelajaran akses sendiri di samping membantu mereka meningkatkan lagi kemahiran dalam memahami dan menganalisis data. Ia juga membantu saya untuk menerapkan pembelajaran berpusatkan murid serta meningkatkan amalan pengajaran saya. Ini kerana tuntutan kehendak arus pendidikan pada masa kini yang mahukan guru bertindak sebagai fasilitator dan murid berhak untuk meneroka sendiri tentang apa yang mereka pelajari dengan dibimbing oleh guru masing-masing. Oleh itu, untuk tujuan penambahbaikan, kaedah ini boleh diubah dan ditransformasi kepada bahan bantu mengajar agar dapat memberikan manfaat kepada pengkaji yang seterusnya.

Kata kunci : Kaedah RFW, Pembelajaran Akses Kendiri, Tun Perak Bendahara Terbilang, Memahami dan menganalisis fakta, menambahbaik amalan pengajaran dan pembelajaran.

ABSTRACT


This action research was conducted to help to improve students' skills in practicing self-directed learning skills using the Read, Find and Write method for the “Tun Perak Bendahara Terbilang” topic in the History subject. In addition, this study also indirectly to improve the skills of analyzing facts in more depth. Thus, four research participants were selected from Primary 4A class from a primary school around Kuching. The data were collected using observation, interview and document analysis to see the implication after the method was conducted on the research participants to verify the collected data, triangulation of methods, sources and member checking are used to check the data. The Read, Find and Write method has helped four participants in this research to practice self-access learning skills as well as to help them improve their skills in understanding and analyzing data. It also helps me to apply student-centered learning and improve my teaching practices. This is because of current educational demand that teacher should act as facilitators and students have the right to explore themselves about what they are learning while being facilitated by their own teachers. Therefore, for the purpose of improvement, this method can be changed and transformed into teaching aids in order to benefit the next researcher.

Keywords: RFW method, Self-Access Learning, “Tun Perak Bendahara Terbilang”, Understanding and Analyzing Facts, Improving Teaching and Learning Practices.

Pengenalan

Saya merupakan guru pelatih daripada kelas Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan bagi mata pelajaran Sejarah ambilan Jun 2014 di Insititut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. Pada semester 7, saya telah menjalankan penyelidikan tindakan bagi mata pelajaran Sejarah di Sekolah Kebangsaan Satria, Kuching (nama samaran) yang merupakan sekolah Praktikum Fasa II saya selama tiga bulan. Saya mengajar 4 buah kelas bagi mata pelajaran Sejarah di sekolah tersebut dan keempat-empat kelas ini memiliki pelbagai sifat dan peragai yang memberikan cabaran serta kenangan kepada saya dalam praktikum yang kedua ini. Inovasi yang akan digunakan di dalam penyelidikan tindakan ini diberi nama *Read, Find and Write* iaitu berkisarkan kepada panduan yang akan digunakan oleh peserta kajian dalam mencari fakta dan menganalisis isi fakta berdasarkan penerangan yang diberikan dalam *Read, Find and Write* tersebut. Saya telah diamanahkan untuk mengajar subjek Sejarah bagi kelas 4A (nama samaran) dan bilangan murid adalah seramai 30 orang yang terdiri daripada pelbagai latar belakang keluarga. Kajian ini telah melibatkan empat orang peserta kajian (dua murid lelaki dan dua murid perempuan) yang sederhana dan lemah pencapaian terutamanya pada topik Tun Perak Bendahara Terbilang Tahun 4. Mereka menghadapi masalah dari segi menghafal dan tidak memahami fakta serta sentiasa memerlukan bantuan daripada guru. Dapatan awal juga telah mengesahkan bahawa mereka hanya menghafal dan cuba untuk mengingat fakta walaupun mereka tidak memahaminya.

Tujuan utama penyelidikan tindakan ini dilaksanakan adalah untuk menambah baik amalan pengajaran saya dan juga pembelajaran empat orang peserta kajian dalam meningkatkan pembelajaran akses sendiri serta kemahiran memahami dan menganalisis data. Ini yang menjurus kepada permasalahan yang kedua iaitu mereka tidak berminat untuk mempelajari topik ini serta hanya bergantung kepada penerangan guru tentang topik tersebut. Mereka tidak berminat terhadap topik ini mungkin disebabkan oleh kemahiran menganalisis mereka masih lagi di dalam tahap yang sederhana dan masih menggunakan kaedah yang lama iaitu menghafal untuk memahami sesuatu fakta. Perkara ini yang menjurus kepada kurangnya minat mereka untuk melihat apakah keistimewaan yang terdapat pada Bendahara Tun Perak dan cuma bergantung kepada penerangan dan input yang diberikan oleh guru serta menghafal fakta di dalam buku teks.



Rajah 1. Sedutan latihan awal peserta kajian

Rajah 1 diatas menunjukkan latihan tinjauan awal peserta kajian. Keempat-empat murid ini tidak dapat menjawab jawapan betul iaitu kurang daripada 4 dan tidak memenuhi kehendak objektif pembelajaran yang ingin dicapai. Kebanyakan jawapan yang dijawab hanya dijawab dengan jawapan yang salah dan mereka cuma mampu menulis nama Tun Perak sahaja sedangkan rakan-rakan mereka yang lain mampu menjawab soalan ini dengan betul.

Hasil temu bual bersama dengan peserta kajian juga menunjukkan bahawa mereka mudah lupa dan ingat tentang apa yang mereka pelajari di dalam topik Tun Perak Bendahara Terbilang. Ini yang telah menyebabkan mereka memerlukan bantuan daripada guru untuk membimbing dan memberitahu mereka dimanakah fakta ataupun isi penting yang perlu mereka baca dan cari agar mereka dapat memahaminya dengan jelas. Jadual 1 menunjukkan rumusan dapatan tema temu bual bersama peserta kajian

Jadual 1

Dapatan tema daripada temu bual dengan peserta kajian

Peserta	Jawapan temu bual	Tema
Aini	<i>Saya tidak berminat terhadap topik ini dan saya tidak tahu macam mana untuk mencari isi penting di dalam topik ini.</i>	tidak minat tidak tahu cari isi penting
Atiqah	<i>Saya tidak suka cikgu. Saya lebih suka topik Hang Tuah berbanding dengan topik ini cikgu</i>	tidak suka
Aston	<i>Ada cikgu, tetapi saya sukar untuk mengulangkajinya dan hanya menghafal sahaja.</i>	menghafal
	<i>Ya cikgu, saya tidak pandai untuk mencari isi penting dan hanya menghafal sahaja.</i>	tidak pandai cari isi penting
Aiman	<i>Ada cikgu, saya tanda dan gariskan isi penting dan hafal isi-isi tersebut</i>	garis dan hafal
	<i>Ya cikgu, tetapi saya selalu keliru dan susah untuk mencarimana satu isi penting dan hanya menghafal mengikut apa yang saya faham cikgu.</i>	keliru dan susah mencari isi penting

Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi membantu peserta kajian untuk meningkatkan kemahiran pembelajaran akses sendiri mereka agar mereka mampu untuk melaksanakan pembelajaran secara sendiri tanpa perlu bergantung kepada guru (Pembelajaran akses sendiri, 2001). Selain itu, kemahiran dalam memahami fakta dan juga menganalisis kandungan isi penting juga diterapkan di dalam kajian ini bagi memudahkan peserta kajian untuk meneroka bukti dan menghuraikan isi fakta yang mereka pelajari secara sendiri.

Fokus Kajian

Sepanjang saya mengajar mata pelajaran Sejarah bagi tahun 4 di kelas 4A, dalam beberapa topik yang diajar, saya mendapati bahawa topik Bendahara Tun Perak merupakan topik yang lemah untuk dikuasai. Saya mendapati, walaupun kelas tersebut merupakan kelas yang mempunyai prestasi akademik yang baik, tetapi daripada 30 orang, hanya 22 orang sahaja yang mampu menjawab soalan pengukuhan yang berkaitan dengan topik ini. Ini mungkin disebabkan oleh beberapa orang murid yang

kurang berminat terhadap topik ini dan hanya mencari jawapan secara terus di dalam buku teks tanpa mendalami dan menganalisis secara terperinci fakta sebenar sehingga tidak mampu untuk menjawab kehendak soalan. Oleh itu, mereka terlalu bergantung dengan bantuan dan input daripada guru untuk memberikan mereka petunjuk secara jawapan yang betul kepada mereka tanpa ada usaha untuk mencari sendiri fakta dan jawapan yang sebenar.

Oleh itu, empat orang murid telah dipilih bagi memudahkan saya menjalankan kajian tanpa perlu mengganggu perjalanan perancangan pelajaran minggu. Kajian ini juga dijalankan agar dapat membantu mereka menguasai konsep pembelajaran sendiri serta menganalisis dan menghuraikan fakta secara terperinci. Ini bertujuan untuk melatih mereka meneroka bukti mengikut panduan yang ada pada kajian serta membantu mempertingkatkan amalan pengajaran dan pembelajaran saya di dalam kelas. Intervensi bagi kajian tindakan ini adalah dijadikan sebagai panduan asas kepada murid untuk meneroka dan menghuraikan biodata bendahara Tun Perak. Oleh itu, guru cuma terangkan sahaja berdasarkan panduan yang ada pada bahan intervensi, manakala murid akan meneroka bukti serta menganalisis secara sendiri mengikut panduan yang diberikan. Perbincangan serta penambahbaikan sentiasa dilakukan bersama dengan rakan praktikum, guru di sekolah, serta pensyarah pembimbing dalam melihat semula kebolegunaan bahan intervensi.

Objektif Kajian

Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk :

- a. Meningkatkan kemahiran murid melalui kaedah *Read, Find and Write* dalam menerapkan pembelajaran akses sendiri untuk memahami dan menganalisis fakta sejarah bagi tajuk Tun Perak Bendahara Terbilang .
- b. Meningkatkan prestasi pengajaran guru melalui kaedah *Read, Find and Write* serta menerapkan pendekatan berpusatkan murid dalam menganalisis dan memahami fakta sejarah bagi tajuk Tun Perak Bendahara Terbilang.

Soalan Kajian

Soalan kajian yang saya jalankan ini adalah seperti berikut :

- a. Adakah kaedah *Read, Find and Write* ini mampu meningkatkan pembelajaran akses sendiri murid dalam memahami dan menganalisis fakta sejarah bagi tajuk Tun Perak Bendahara Terbilang?
- b. Adakah kaedah *Read, Find and Write* ini mampu meningkatkan mutu prestasi pengajaran guru dalam menganalisis dan memahami fakta sejarah bagi tajuk Tun Perak Bendahara Terbilang?

Peserta Kajian

Kajian ini melibatkan empat orang murid dan saya sendiri sebagai peserta kajian. Empat orang murid tersebut terdiri daripada 2 orang lelaki dan 2 orang perempuan dari Tahun 4A, Sekolah Kebangsaan Satria (nama samaran). Mereka merupakan murid yang riang dan cergas di dalam kelas tetapi dianggap lemah dalam mata pelajaran Sejarah seperti yang ditunjukkan pada data awal sebelum ini. *Jadual 2* menunjukkan dapatan awal yang menjadi asas pemilihan peserta kajian ini.

Jadual 1

Dapatan awal Peserta Kajian

Tindakan Yang Dijalankan				
Bil	Murid	Jantina	Jumlah jawapan betul dalam latihan pengukuhan	Masalah murid
1	Aini	P	2	Tidak berminat terhadap tajuk dan belum menguasai tajuk.
2	Atiqah	P	2	Tidak berminat terhadap tajuk dan belum menguasai tajuk.
3	Aston	L	3	Belum menguasai tajuk dan tidak tahu untuk menghurai fakta
4	Aiman	L	2	Belum menguasai tajuk dan tidak mengingati fakta dengan tepat.

Untuk kajian tindakan yang akan saya lakukan, saya akan menggunakan kajian tindakan model Kemmis&McTaggart (1988) sebagai asas dan tulang kepada penyelidikan tindakan saya (Carr & Kemmis, 1998). Saya tertarik kepada model ini kerana model ini menjelaskan konsep yang mudah bagi saya untuk menjalankan kajian ini bermula dengan membuat refleksi, merancang, bertindak dan memerhati serta mengulangi proses ini sehingga kajian menemui jalan penyelesaian yang sebenar (Edini, 2012). Oleh itu, bagi kitaran yang pertama, saya akan cuba membuat refleksi terhadap pengajaran dan pembelajaran yang telah saya lakukan pada praktikum yang pertama dan kedua untuk mencari tema serta permasalahan dalam pengajaran dan pembelajaran saya. Selepas itu, saya merancang untuk menjalankan kaedah *Read, Find and Write* dengan harapan murid dapat meningkatkan kemahiran menganalisis fakta sejarah dengan betul. Kaedah *Read, Find and White* berkisarkan kepada panduan yang akan digunakan oleh peserta kajian dalam mencari fakta dan menganalisis isi fakta berdasarkan penerangan yang diberikan seperti di dalam *Jadual 3*.

Penggunaan kaedah ini sangat mudah iaitu guru Cuma perlu menyediakan kerta berisi info grafik yang berkaitan dengan kaedah ini dan dijadikan panduan kepada murid untuk mencari maklumat. Ini bermaksud, guru Cuma perlu memberikan arahan serta penerangan kaedah dan seterusnya murid akan meneruskan aktiviti pembelajaran berasaskan sendiri dengan dibantu oleh guru.

Selepas itu, saya menjalankan tindakan pada praktikum yang akan datang dan memerhati apakah hasil yang dapat saya lihat dan data yang diperoleh daripada pemerhatian tersebut. Gelung ini akan terus berpusing sehingga peserta kajian saya dapat mencapai objektif yang telah saya tetapkan dan menunjukkan bahawa kajian ini berjaya dilaksanakan. Oleh itu, setiap tindakan yang dilakukan perlu mengikut berdasarkan gelung ini supaya ia dapat membantu membimbing tindakan saya secara satu per satu (Chow, F.M & Mahmud, 2011).

Jadual 3

Panduan Aktiviti “Read, Find and Write”

Arahan	Penerangan
Who? / Siapa?	Disini, murid-murid perlu nyatakan siapakah orang yang ingin beliau kaji atau analisis. Nyatakan nama panjang beliau serta siapakah ahli keluarganya jika ada.
What? / Apa?	Ini merujuk kepada apakah pekerjaan beliau serta nyatakan semua jawatan yang pernah disandang oleh beliau.
Where? / Dimana?	Nyatakan dimanakah tempat beliau berkhidmat, bertugas atau riwayat hidup beliau secara jelas.
When? / Bila?	Jelaskan pada tahun bilakah beliau berkhidmat serta nyatakan sultan yang memerintah pada zaman beliau bertugas tersebut secara terperinci
Why? Mengapa?	Nyatakan mengapa beliau dikenali sebagai tokoh terbilang sertajelaskan sebab-sebabnya secara terperinci.
How? / Bagaimana?	Nyatakan bagaimana cara kita untuk menanam sifat kepimpinan melalui contoh yang ditunjukkan oleh Bendahara Tun Perak.

Kaedah Pengumpulan Data

Saya telah menggunakan kaedah pemerhatian, temubual, dan analisis dokumen bagi mengumpul data-data kajian di dalam penyelidikan ini.

Senarai semak. Untuk kaedah pemerhatian, borang senarai semak telah disediakan bagi mencatat maklumat yang diperhatikan ketika peserta kajian menjalani intervensi atau latihan pengukuhan (Kemmis, 2016).

Temubual. Penggunaan temubual adalah kaedah yang sesuai untuk saya mendapatkan maklumat berkaitan dengan persepsi, sikap, pemikiran, nilai dan pendapat peserta kajian saya. Saya juga menggunakan temubual ini bagi mendapatkan jawapan kepada objektif kajian yang ingin dicapai.

Analisis dokumen. Untuk melihat sejauhmana pencapaian murid melalui kajian yang dijalankan ke atas mereka, dokumen seperti soalan ataupun latihan diberikan agar saya dapat melihat status pencapaian mereka dari semasa ke semasa (Edinin,2012).

Teknik Menganalisis Data

Analisis kandungan digunakan dalam melihat apakah perubahan atau pencapaian murid berdasarkan soalan dan latihan intervensi yang telah dijawab oleh mereka (Lebar, 2011). Borang senarai semak yang telah dicatat juga dikaji semula bagi melihat hasil pemerhatian dan mengenal pasti apakah kekurangan dan penambahbaikan yang perlu dilakukan di dalam kajian ini. Analisis pola juga digunakan bagi melihat persamaan, perbezaan dan tema yang ada pada data bagi melihat adakah kaedah ini benar-benar berjaya dilaksanakan ke atas peserta kajian saya.

Teknik Menyemak Data

Di dalam kajian ini, tiga jenis triangulasi digunakan iaitu triangulasi kaedah, sumber dan *Member Checking*. Triangulasi kaedah digunakan pada data senarai semak, analisis dokumen dan temubual bagi melihat impak kaedah yang diterapkan

kepada pembelajaran akses sendiri murid dan tahap kemahiran menganalisis mereka. Triangulasi sumber pula digunakan bagi menjaga kesahan data serta *Member Checking* untuk membantu mengesahkan lagi data bahawa ia adalah tepat dan benar (Willis, 2014).

Dapatan Kajian

Adakah kaedah *Read, Find and Write* ini mampu meningkatkan pembelajaran akses sendiri murid dalam memahami dan menganalisis fakta sejarah bagi tajuk Tun Perak Bendahara Terbilang?

Semasa mereka menjalani intervensi serta menjawab soalan pengukuhan pada 25 September 2017, saya telah menggunakan borang senarai semak penguasaan murid terhadap elemen *Read, Find and Write* untuk melihat keadaan apabila peserta kajian telah didedahkan dengan intervensi serta menjawab latihan pengukuhan yang disediakan oleh guru. Apa yang dapat diperhatikan adalah tindakbalas mereka ketika menjawab latihan pengukuhan dengan menggunakan intervensi tersebut. Kesemua peserta kajian dapat menggunakan intervensi yang dijalankan ke atas mereka serta kesemua elemen yang berkaitan dengan intervensi dapat digunakan dengan baik. Rajah 2 dan rajah 3 dibawah merupakan borang senarai semak yang telah diisi ketika melakukan pemerhatian pada sesi terakhir intervensi

BORANG SENARAI SEMAK PENGUSAHAAN MURID TERHADAP ELEMEN 5 WARRIORS 1 HERO			BORANG SENARAI SEMAK PENGUSAHAAN MURID TERHADAP ELEMEN 5 WARRIORS 1 HERO		
Sesi : 2			Sesi : 2		
Tarikh : 25/09/2017			Tarikh : 25/09/2017		
Nama Murid : Atiqah			Nama Murid : Aini		
Tahap penguasaan : Menguasai : (/) Belum menguasai : (X)			Tahap penguasaan : Menguasai : (/) Belum menguasai : (X)		
Elemen	Tahap penguasaan	Catatan	Elemen	Tahap penguasaan	Catatan
WHO / SIAPA	/	- jawapan betul	WHO / SIAPA	/	- dapat jawab dengan yakin
WHAT / APA	/	- "	WHAT / APA	/	- "
WHERE / DIMANA	/	- "	WHERE / DIMANA	/	- "
WHEN / BILA	/	- "	WHEN / BILA	/	- "
WHY / MENGAPA	/	- "	WHY / MENGAPA	/	- sedikit lambat tetapi jawab dengan betul
HOW / BAGAIMANA	/	- secara keseluruhan, Atiqah Aini menjawab soalan yang berbeza menjawab soalan.	HOW / BAGAIMANA	/	- terkejut di soalan ini tetapi menjawab jawapan betul.
Tandatangan Pemerhati : <i>Barry</i> (Barry Meebeks)			Tandatangan Pemerhati : <i>Barry</i> (Barry Meebeks)		

dijalankan.

Rajah 2. Hasil senarai semak bagi pemerhatian bagi Atiqah dan Aini semasa sesi 2 kajian dijalankan

BORANG SENARAI SEMAK PENGUASAAN MURID TERHADAP ELEMEN 5 WARRIORS 1 HERO			BORANG SENARAI SEMAK PENGUASAAN MURID TERHADAP ELEMEN 5 WARRIORS 1 HERO		
Sesi : <u>2</u>			Sesi : <u>2</u>		
Tarikh : <u>08/09/2017</u>			Tarikh : <u>25/09/2017</u>		
Nama Murid : <u>Aiman</u>			Nama Murid : <u>Aston</u>		
Tahap penguasaan : Menguasai : (/) Belum menguasai : (X)			Tahap penguasaan : Menguasai : (/) Belum menguasai : (X)		
Elemen	Tahap penguasaan	Catatan	Elemen	Tahap penguasaan	Catatan
WHO / SIAPA	/	- dapat jawab dengan jelas.	WHO / SIAPA	/	- dapat mengenali nama pahlawan.
WHAT / APA	/	- "	WHAT / APA	/	- dapat menjelaskan jawapan yang berkaitan.
WHERE / DIMANA	/	- "	WHERE / DIMANA	/	- dapat menjelaskan tempat bilah berbalah.
WHEN / BILA	/	- sedikit lambat dan bilah tidak mengena, tetapi mengena pada saat.	WHEN / BILA	/	- jelas dan dapat menjelaskan tahun bilah berbalah.
WHY / MENGAPA	/	- dapat jawab dengan jelas.	WHY / MENGAPA	/	- dapat menjelaskan kenapa bilah adalah bilah yang berbalah.
HOW / BAGAIMANA	/	- sedikit lambat tetapi jawapan betul. Bilah tersambung/jalan na. 4	HOW / BAGAIMANA	/	- jawab dengan jelas dan pantas.
Tandatangan Pemerhati : <u>[Signature]</u> (<u>Benny Nicholas</u>)			Tandatangan Pemerhati : <u>[Signature]</u> (<u>Benny Nicholas</u>)		

Rajah 3. Hasil senarai semak bagi pemerhatian bagi Aston dan Aiman semasa sesi 2 kajian dijalankan


Kesimpulan bagi keseluruhan pemerhatian yang boleh saya dapati ketika menjalani pemerhatian ini adalah mereka kelihatan lebih yakin dan lebih mengetahui tentang apa yang perlu mereka lakukan sepanjang mereka menjawab soalan tersebut. Ini kerana, pada sebelum kaedah ataupun intervensi ini dijalankan, mereka sebenarnya tidak begitu yakin ketika menjawab dan memerlukan bahan sokongan seperti buku teks ataupun bantuan daripada rakan. Dan apabila intervensi yang dijalankan lebih kepada kemahiran pembelajaran akses sendiri serta menjadikan mereka lebih tekun dalam menganalisis, ternyata, intervensi yang dijalankan membantu mereka dalam menjawab soalan serta memudahkan mereka menjawab soalan pengukuhan tersebut.

Selain itu, saya juga telah mendapatkan data kajian melalui analisis dokumen latihan murid bagi melihat sejauhmana pencapaian mereka terhadap intervensi yang dijalankan. Dua latihan pengukuhan telah dibuat sama dengan dua kali sesi intervensi dijalankan. Pada sesi pertama, peserta kajian mendapat markah sekurang-kurangnya 4 daripada 6 soalan yang diberikan. Ini menunjukkan bahawa mereka telah cuba mengaplikasikan kaedah yang dijalankan, dan secara tidak langsung, mereka mempraktikkan pembelajaran akses sendiri tersebut tanpa ada bantuan daripada saya. Pada sesi kedua pula, latihan pengukuhan ditukar format kepada soalan subjektif bagi melihat adakah mereka mampu untuk menjawab setelah dua kali intervensi dijalankan ke atas mereka. Masing-masing telah mendapat 6 markah dan dapat menulis jawapan dengan baik serta tepat. Ini bermaksud, mereka telah menguasai kaedah ini kerana mereka mampu mencari fakta bagi tajuk berkenaan berdasarkan elemen RFW tersebut dan meningkatkan cara mereka menganalisis data. Dibawah merupakan *Jadual 2* pencapaian markah peserta kajian dan *Rajah 4*.

Jadual 2

Rumusan Analisis Jawapan Murid

Peserta kajian / Murid	Jumlah Markah Keseluruhan			
	Sebelum intervensi	Sesi 1	Sesi 2	
Aini	2	4	6	12
Atiqah	2	3	6	11
Aston	3	4	6	13
Aiman	2	5	6	13



Rajah 4. Hasil analisis dokumen selepas pelaksanaan kaedah RFW

Dapatan di atas menunjukkan peserta kajian mampu menganalisis fakta berkaitan dengan Tun Perak dengan baik selepas menggunakan kaedah RFW.

Selain itu, dapatan data temu bual dengan peserta kajian mendapati beberapa tema seperti dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3

Tema yang diperolehi daripada analisis temu bual dengan peserta kajian

Peserta	Tema dapatan temu bual
Aini	Lebih mudah digunakan, membantu saya untuk faham, memberikan panduan secara satu per satu, kaedah ini senang, Tanpa bantuan guru, selebihnya kami buat sendiri.
Atiqah	Kaedah ini lebih mudah daripada kaedah mengingat, Memahami dengan jelas asalkan mengikut kriteria RFW (5W1H), Mula faham secara mendalam, Tidak perlukan bantuan guru, sebab telah memahami penggunaan kaedah ini
Aston	Mendapatkan fakta dengan lebih mudah, Mencari fakta satu per satu, Mengubah cara belajar, Memahami cara RFW (5 W 1 H) dan dapat mencari maklumat sendiri.
Aiman	Kaedah ini lebih senang, Mencari fakta berdasarkan kriteria, Membantu memahami dengan lebih jelas, Belajar mencari fakta dengan lebih cepat, Sangat membantu, Boleh gunakan kaedah ini dirumah ketika ulang kaji.

Kesimpulannya, kaedah RFW dapat membantu peserta kajian dapat menganalisis fakta berkaitan dengan tajuk Tun Perak Bendahara Terbilang dengan menggunakan pembelajaran akses sendiri.

Adakah kaedah *Read, Find and Write* ini mampu meningkatkan mutu prestasi pengajaran guru dalam menganalisis dan memahami fakta sejarah bagi tajuk Tun Perak Bendahara Terbilang?

Temu bual bersama dengan guru pembimbing iaitu Encik Faiz juga telah saya jalani bagi mendapatkan pandangan dan juga pendapat beliau tentang kaedah *Read, Find and Write* yang telah diaplikasikan kepada keempat orang peserta kajian saya. Bagi mengetahui sama ada soalan kajian tersebut dapat dijawab ataupun tidak, saya telah membuat temu janji dan mengadakan temu bual bersama dengan guru pembimbing saya pada tarikh 28 September 2017. Temu bual ini juga bertujuan untuk membantu saya melihat sama ada ia mampu memberikan kesan yang positif kepada pengajaran dan pembelajaran saya sebagai bakal guru kelak dan mempraktikkan pembelajaran akses sendiri ini kepada murid-murid saya kelak. Beberapa tema yang dikenalpasti selepas temu bual dengan guru pembimbing ialah boleh diaplikasikan dalam mata pelajaran Sejarah, dapat mencari isi fakta secara sendiri, belajar sendiri tanpa bantuan guru, mendalami isi penting, meneroka sendiri dan sesuai dengan tuntutan pendidikan alaf moden.

Encik Faiz sememangnya menyatakan bahawa kaedah ini sebenarnya memberikan impak yang baik kepada diri murid supaya tidak terlalu bergantung kepada guru dalam mereka mencari dan mempelajari sejarah. Pembelajaran akses sendiri ini membantu murid untuk mendalami fakta secara sendiri dengan meneroka sendiri tentang apa yang mereka belajar serta mengikut kriteria yang telah ditetapkan. Encik Faiz juga menyatakan bahawa kaedah ini sebenarnya menunjukkan bahawa kita iaitu sebagai bakal guru juga sedang menunjukkan kualiti pengajaran guru abad ke-21 dan juga tuntutan kepada pendidikan alaf moden. Tiada lagi kebergantungan murid dengan pembelajaran berpusatkan guru, tetapi lebih baik dijadikan sebagai pembelajaran dua hala dan berpusatkan murid. Oleh itu, kaedah ini mempraktikkan pembelajaran akses sendiri murid dalam usaha memberikan hak kepada murid untuk meneroka sendiri tentang apa yang mereka belajar.

- Saya *Apakah pendapat cikgu terhadap kaedah Read, Find and Write yang saya gunakan di dalam penyelidikan tindakan ini?*
- Encik *Jarang saya gunakan dalam pengajaran saya. Kaedah ini saya sering*
Faiz *lihat dalam pengajaran untuk subjek bahasa sahaja. Ternyata ia boleh diaplikasikan di dalam pengajaran Sejarah rupanya.*
- Saya *Adakah kaedah ini mampu meningkatkan tahap pemikiran sejarah murid cikgu?*
- Encik *Ya, sebab kaedah ini sebenarnya ingin melihat murid untuk mendalami*
Faiz *sendiri fakta tersebut dan mencari isi-isi penting secara sendiri.*
- Saya *Apakah kekuatan utama yang dapat dilihat pada kaedah ini cikgu?*
Encik *Kekuatan utama... sudah semestinya mereka belajar secara sendiri*
Faiz *tanpa bantuan daripada guru. Mereka mendalami isi penting dan meneroka sendiri tanpa perlu bantuan guru.*
- Saya *Adakah dengan menggunakan kaedah ini, ia dapat memberi impak kepada kualiti pengajaran dan pembelajaran guru?*
- Encik *Bagi saya, tidak semestinya guru perlu menggunakan pendekatan*
Faiz *berpusatkan guru sahaja untuk membuktikan bahawa kualiti mengajarmereka bagus. Pembelajaran berpusatkan murid seperti kaedah ini juga dapat menunjukkan kualiti guru dalam PdP Abad ke-21 dan sememangnya tuntutan pendidikan alaf moden pada masakini.*

TB03 FAIZ 280917

Refleksi

Penggunaan kaedah ini telah memberikan satu gambaran yang baik dan mampu dilaksanakan di dalam kelas serta dipraktikkan oleh semua guru. Kaedah yang mudah digunakan serta dapat membantu murid meningkatkan lagi kemahiran pembelajaran akses sendiri mereka dalam pembelajaran Sejarah. Rumusannya, kaedah ini telah memberikan seberapa kesan positif yang dilihat mampu memberikan manfaat kepada mereka untuk mempelajari dan meminati subjek Sejarah ini. Selain itu, ia juga mempraktikkan amalan pembelajaran berpusatkan murid iaitu membiarkan murid untuk meneroka tentang apa yang mereka pelajari serta menjadikan guru sebagai fasilitator selaras dengan kehendak pembelajaran abad ke-21 ini.

Cadangan Tindakan Susulan

Pada kitaran yang seterusnya, saya akan menjadikan kaedah ini sebagai salah satu daripada bahan bantu mengajar agar kaedah ini dapat ditransformasikan sebagai bahan maujud dan membantu menarik minat murid. Ini kerana, jika kaedah ini cuma diajar secara lisan dan hanya berpandukan kepada panduan penggunaan sahaja, saya khuatir bahawa kaedah ini menjadi bosan dan tidak mampu menarik minat murid. Oleh itu, jika kaedah ini dapat dipindahkan kepada bahan maujud dan dapat membantu guru ketika mengajar di dalam kelas, ia akan menjadi lebih baik dan membantu menarik minat murid untuk sentiasa peka dan fokus di dalam kelas.

Saya juga akan menggunakan konsep yang sama untuk diterapkan kepada topik yang baharu agar kaedah ini boleh dijadikan sebagai amalan dan tidak digunakan hanya pada topik Tun Perak Bendahara Terbilang sahaja. Selain itu, saya bercadang untuk menyediakan 3 jenis aras kaedah ini iaitu aras lemah, sederhana dan tinggi supaya ia dapat membantu saya mempraktikkan kaedah ini di dalam kelas yang mempunyai kepelbagaian latar belakang akademik murid-murid. Ini bermaksud setiap murid akan menggunakan kaedah yang sama tetapi kehendak elemen yang berbeza selaras dengan kehendak peringkat yang ada pada Taksonomi Bloom dan bersesuaian dengan peringkat akademik murid-murid.

Secara kesimpulannya, saya berharap agar bagi pengkaji dan peserta kajian yang seterusnya, diharap kitaran yang kedua ini dapat membantu mereka mempertingkatkan lagi impak yang boleh dihasilkan melalui kaedah ini agar ia dapat memberikan manfaat bukan sahaja untuk satu pihak, tetapi untuk semua kerana pembelajaran berlaku sepanjang hayat.

Rujukan

- Edinin, R. (2012). *Penyelidikan tindakan: Kaedah dan penulisan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons.
- Idris, N. (2013). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education.
- Kemmis, S. (2016). *Action Research Planner: Doing critical participatory action research*. Place of publication not identified: SPRINGER.
- Lebar, O. (2011). *Kajian tindakan dalam pendidikan: Teori dan amalan*. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Pembelajaran akses sendiri*. (2001). Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Willis, J. (2014). *Action research: Models, methods and examples*. Charlotte, NC: Information Age Publ.